

Wabak COVID-19 telah, sedang dan akan mencorakkan gaya hidup masyarakat dunia. Perubahan yang mendadak termasuklah kesan besar kepada ekonomi dunia. Tidak terkecuali, wabak ini juga telah, sedang dan akan memberikan kesan terbesar terhadap ekonomi Malaysia. Tiada sesiapa pun dapat menafikannya. Kesannya bukan setakat kepada perniagaan, tetapi juga kepada isi rumah rakyat Malaysia yang kini sedang mengharungi pandemik COVID-19.


Penangan pandemik ini telah menyebabkan Bank Dunia menyemak semula pertumbuhan negara yang dijangka mengalami penguncupan kepada 0.1 peratus berbanding dengan jangkakan sebelum ini, iaitu 4.5 peratus pertumbuhan. Malahan, Bank Negara Malaysia (BNM) juga mengunjur pertumbuhan ekonomi Malaysia susut berbanding dengan tahun lalu dengan angka -2.0 peratus sehingga 0.5 peratus pada tahun ini. Tambahan lagi, dengan harga komoditi terutamanya minyak yang rendah juga boleh memberikan kesan yang besar terhadap ekonomi Malaysia. Perang dagangan antara negara Arab Saudi dengan negara Rusia telah menurunkan lagi harga minyak global apabila penawaran minyak dunia semakin meningkat, manakala permintaan ke atasnya menyusut ekoran penularan pandemik COVID-19.

Kesan negatifnya merangkumi banyak sektor ekonomi global yang telah ditutup ekoran arahan kerajaan negara masing-masing. Perniagaan tidak mampu berjalan seperti biasa jika operasinya terpaksa ditutup. Misalnya, sektor automotif tidak dapat beroperasi seperti biasa. Jualan kenderaan menurun secara mendadak, maka secara tidak langsung penggunaan minyak juga menurun. Malah, disebabkan kebanyakan kerajaan di dunia telah mengarahkan rakyatnya tidak keluar rumah atau

PERANG MELAWAN COVID-19 Berjayakah Kita?

SEJAK pandemik COVID-19 melanda dunia bermula di negara China pada penghujung tahun lalu, banyak kerajaan di dunia telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan untuk menghentikan dan sekali gus menghapuskan rantaian penularannya di negara masing-masing.





dengan kata lain mengawal pergerakan rakyat masing-masing, maka sudah tentulah hal ini telah menyebabkan permintaan terhadap minyak global turun secara mendadak ekoran penggunaan kenderaan juga berada pada tahap terendah. Impaknya juga sudah tentu dialami oleh Malaysia ekoran sejak akhir-akhir ini, pendapatan negara mula bergantung semula pada hasil sektor minyak negara. Sebelum ini, peratusan hasil sektor minyak terhadap pendapatan negara berjaya diturunkan ekoran pelaksanaan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang bermula pada 1 April 2015. Namun demikian, peratusan tersebut meningkat kembali apabila sistem cukai jualan dan perkhidmatan (SST) kembali menggantikan semula GST pada 1 September 2018 hingga kini.

Bukan setakat Malaysia yang berhadapan dengan hasil pendapatan minyak yang dijangka turun pada tahun ini, hasil daripada cukai syarikat dan individu juga dijangka menurun ekoran penularan wabak COVID-19. Hal ini disebabkan kerana bermula pada 18 Mac yang lalu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh itu, perniagaan yang bukan dikategorikan penting buat negara diarahkan untuk menutup operasi masing-masing, maka hal ini sudah tentulah menjejaskan operasi perniagaan masing-masing, sekali gus menutup ruang untuk menjana keuntungan pada tahun ini. Dijangkakan banyak sektor perniagaan akan mengalami kerugian. Kerugian perniagaan dan syarikat semakin meningkat jika kerajaan melanjutkan tempoh PKP. Keadaan ini akan menyebabkan kerugian yang lebih tinggi terhadap premis perniagaan yang bukan dikategorikan penting buat negara berbanding dengan keuntungan pada tahun-tahun sebelum ini.

Kerugian yang meningkat ini bukan setakat memberikan kesan

terhadap majikan atau pemilik perniagaan, tetapi juga kepada para pekerja mereka. Maka, mahu tidak mahu ada perniagaan yang terpaksa memberhentikan pekerja mereka bagi mengurangkan bebanan kerugian yang ditanggungnya. Bagi majikan yang prihatin dengan kebajikan para pekerja, model perniagaan telah diubah, misalnya daripada sebuah perniagaan perkhidmatan kepada perniagaan pembekalan makanan sepanjang tempoh PKP. Hal ini bergantung pada strategi masing-masing. Meskipun pada tahun ini diramalkan kadar pertumbuhan negara akan mengalami penurunan dan perniagaan dijangka mencatatkan kerugian besar yang akan memberikan tekanan terhadap majikan dan para pekerja, namun kesihatan rakyat tetap keutamaan terpenting buat kerajaan dan negara. Tanpa kesihatan rakyat yang baik, sebarang perancangan ekonomi yang terbaik sekalipun sukar untuk dilaksanakan.

Dalam hal ini, kerajaan telah mengambil langkah yang tepat dengan melaksanakan PKP sejak 18 Mac yang lalu. Bahkan, untuk mengurangkan risiko ekonomi kepada negara, perniagaan dan rakyat Malaysia, kerajaan telah mengambil inisiatif yang proaktif dengan mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac yang lalu. Pakej PRIHATIN ini secara keseluruhannya berjumlah RM250 bilion, satu jumlah besar yang menunjukkan komitmen kerajaan untuk membantu rakyat Malaysia yang amat terkesan dengan wabak COVID-19. Sebanyak RM128 bilion khas untuk melindungi kebajikan rakyat, manakala RM100 bilion pula untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Selebihnya pula, iaitu RM2 bilion bagi mengukuhkan lagi ekonomi negara. Hal ini bermaksud sebanyak RM230 bilion peruntukan diumumkan pada 27 Mac yang lalu, manakala selebihnya,

iaitu sebanyak RM20 bilion telah diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi sebulan sebelum itu, iaitu pada 27 Februari yang lalu.

Tambahan RM230 bilion ini sememangnya ditunggu-tunggu oleh setiap rakyat Malaysia terutamanya sejak PKP dilaksanakan pada 18 Mac yang lalu, kerana rata-ratanya rakyat Malaysia amat terkesan dengan COVID-19. Selain membantu rakyat Malaysia, sasaran utama pakej ini tidak lain tidak untuk membendung penularan pandemik COVID-19 di Malaysia. Maka, sejumlah RM1 bilion diperuntukkan khas untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memerangi COVID-19. Sebanyak RM600 sebulan elaun khas diberikan kepada petugas kesihatan, iaitu doktor, jururawat dan kakitangan perubatan yang lain yang terlibat secara langsung sebagai barisan hadapan dalam menangani wabak ini. Peningkatan bayaran elaun ini daripada hanya RM400 sebulan yang telah diumumkan semasa pakej rangsangan ekonomi pada bulan Februari yang lalu akan meningkatkan lagi motivasi petugas kesihatan yang sedang bertungkus lumus tanpa mengenal erti penat untuk memerangi COVID-19. Tidak terkecuali untuk kakitangan awam yang melaksanakan PKP secara langsung yang bertugas sebagai anggota tentera, polis, kastam, imigresen, RELA, serta Angkatan Pertahanan Awam juga dibayar sebanyak RM200 sebulan bermula tarikh 1 April sehingga pandemik COVID-19 berakhir. Di samping itu, semua kakitangan awam bergred 56 dan ke bawah serta pesara kerajaan turut menerima bantuan tunai sebanyak RM500 pada bulan April. Hal ini sekali gus membantu seramai lebih 1.5 juta kakitangan awam dan lebih 850 ribu orang pesara kerajaan di Malaysia. Bantuan ini juga mampu merencanakan lagi ekonomi Malaysia

kerana dijangkakan perbelanjaan individu akan meningkat sama sekali.

Selain KKM, petugas kesihatan dan kakitangan awam serta pesara kerajaan, rakyat Malaysia terutamanya golongan 40 peratus berpendapatan rendah (B40) dan 40 peratus berpendapatan sederhana (M40) juga antara penerima terbesar Bantuan Prihatin Nasional (BPN) ini. Dianggarkan hampir RM10 bilion disalurkan kepada golongan B40 dan M40 berdasarkan kategori pendapatan masing-masing. Malahan, golongan B40 bandar yang menetap di Projek Perumahan Rakyat dan Awam dikecualikan pembayaran sewa selama enam bulan berbanding dengan sebulan yang diumumkan oleh kerajaan sebelum ini. Pengecualian sewaan juga diberikan kepada penyewa premis milik Kerajaan Persekutuan selama enam bulan. Hal ini sekali gus membantu golongan ini untuk terus menetap dan menjalankan aktiviti masing-masing tanpa perlu berasa bimbang ekoran gagal membayar sewa sama ada semasa tempoh PKP mahupun setelah tamatnya tempoh PKP.

Berbalik kepada BPN pula, kira-kira hampir empat juta isi rumah yang dikategorikan berpendapatan RM4000 dan ke bawah akan menerima bantuan sebanyak RM1600. Bagi yang berpendapatan lebih RM4000 sehingga RM8000, sebanyak RM1000 akan dibayar kepada mereka. Sebanyak hampir 1.1 juta isi rumah yang termasuk dalam kategori ini akan menikmati BPN. Tidak terkecuali, golongan bujang yang berumur 21 tahun ke atas juga menerima bantuan BPN dan dikategorikan kepada dua golongan. Yang pertama ialah golongan yang berpendapatan bulanan RM2000 dan ke bawah dan yang kedua ialah golongan yang berpendapatan lebih RM2000 hingga RM4000 sebulan. Bagi golongan bujang yang pertama sebanyak RM800 dibayar kepada mereka,

manakala sebanyak RM500 khas untuk golongan kedua. Sebanyak 3.4 juta orang penerima akan mendapat manfaat bagi kedua-dua kategori ini. Kesemua bayaran bagi kategori isi rumah mahupun bujang dibuat pada bulan April dan Mei. BPN yang begitu besar ini sudah tentulah sedikit banyak akan membantu rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai B40 dan M40. Tidak cukup dengan itu, bayaran Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM3.2 bilion juga akan dibayar pada bulan Julai kepada golongan yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebelum ini.

Tidak dilupakan juga, iaitu golongan pelajar institusi pengajian tinggi yang turut menerima manfaat sebanyak RM200 seorang yang secara keseluruhannya melibatkan perbelanjaan sebanyak RM270 juta. Apa-apa yang menariknya dalam pakej PRIHATIN ialah bantuan sebanyak RM25 juta kepada golongan mudah terjejas termasuklah orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas. Hal ini menggambarkan keprihatinan kerajaan terhadap golongan ini yang sememangnya mengalami kehidupan yang cukup sukar semasa tempoh COVID-19 melanda negara.

Selain itu, kerajaan juga telah mengumumkan pelbagai insentif untuk mengurangkan bebanan perbelanjaan rakyat Malaysia. Misalnya, perbelanjaan bil elektrik diberikan diskaun berperingkat antara 15 peratus sehingga 50 peratus berasaskan kadar penggunaan elektrik dengan had maksimum sebulan sebanyak 600 kilowatt. Diskaun ini diberikan selama enam bulan bermula pada April yang lalu. Di samping itu, kerajaan juga telah menawarkan pakej istimewa dengan bantuan syarikat-syarikat telekomunikasi. Pakej istimewa ini ialah pemberian internet percuma bagi semua pelanggan yang memperuntukkan sebanyak RM600 juta. Pakej internet

percuma ini diberikan bermula April sehingga tamatnya tempoh PKP. Dengan pakej yang cukup istimewa ini, para pelanggan akan terus mendapat capaian talian internet memandangkan banyak rakyat Malaysia menggunakan internet sepanjang tempoh PKP. Misalnya, ramai yang bekerja dari rumah dan tidak terkecuali proses pembelajaran banyak dijalankan secara dalam talian yang melibatkan para pelajar Malaysia. Hal ini sekali gus memberikan peluang kepada para pelanggan untuk meneruskan aktiviti masing-masing tanpa memberikan kesan terhadap kerja sepanjang tempoh PKP.

Satu perkara yang tidak boleh sesekali dilupakan ialah sektor makanan negara. Lantaran itu, sebanyak RM1 bilion diperuntukkan kepada Dana Jaminan Makanan bagi memastikan bekalan makanan negara terjamin dan mencukupi untuk semua rakyat dalam tempoh jangka masa yang panjang. Bantuan juga disalurkan kepada golongan yang terlibat secara langsung dengan sektor pembekalan makanan negara melibatkan pertanian dan penternakan seperti nelayan, petani dan penternak bagi memberikan galakan kepada mereka untuk terus mengeluarkan bekalan makanan kepada rakyat Malaysia. Sebanyak RM100 juta peruntukan disediakan untuk kemudahan tempat penyimpanan, pengagihan makanan dan tujuan untuk program integrasi makanan. Sebanyak RM100 ribu sehingga RM200 ribu dana khas disediakan untuk setiap Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Nelayan Kawasan yang mampu untuk mengeluarkan hasil agromakanan dalam tempoh jangka masa pendek, iaitu tiga hingga enam bulan. Sebanyak RM64.4 juta turut disediakan untuk tujuan ini yang membuktikan betapa seriusnya kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara terjamin. Tempoh PKP dan selepas PKP merupakan

Secara tidak langsung, apa-apa yang diumumkan oleh kerajaan diyakini akan dapat mengurangkan tekanan terhadap negara selepas tamatnya tempoh PKP dan seterusnya memberikan ruang kepada negara bangkit semula selepas “menang” dalam “perang” melawan COVID-19.

tempoh yang cukup kritikal bagi rakyat Malaysia dalam memerangi COVID-19, oleh itu dengan bekalan makanan yang mencukupi hasil produktiviti golongan yang terlibat dalam sektor pembekalan makanan, maka sudah tentulah hal ini akan memudahkan lagi proses untuk memerangi penularan COVID-19 di Malaysia.

Program Subsidi Upah juga diperkenalkan oleh kerajaan bagi membolehkan majikan dapat mengekalkan para pekerja. Sebanyak RM600 sebulan dibayar bagi setiap pekerja untuk tempoh tiga bulan yang dikategorikan pekerja yang berpendapatan RM4000 ke bawah dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50 peratus sejak 1 Januari 2020. Program ini mensyaratkan majikan agar tidak membuang para pekerja bagi tempoh tiga bulan selepas program ini dilaksanakan dan majikan tidak dibenarkan memotong gaji para pekerja. Program ini

bagi membolehkan para pekerja tidak kehilangan pekerjaan, iaitu bukan setakat memberikan kesan kewangan kepada individu pekerja, tetapi juga boleh memberikan kesan jangka masa panjang kepada para majikan yang kehilangan pekerja yang berpengalaman. Secara tidak langsung, apa-apa yang diumumkan oleh kerajaan diyakini akan dapat mengurangkan tekanan terhadap negara selepas tamatnya tempoh PKP dan seterusnya memberikan ruang kepada negara bangkit semula selepas “menang” dalam “perang” melawan COVID-19.

Bantuan khusus sebanyak RM500 seorang juga diberikan kepada pemandu e-panggilan (*e-hailing*) sepenuh masa. Seramai 120 ribu orang penerima manfaat bagi kategori ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM60 juta disalurkan kepada mereka yang sedikit banyak membantu kos sara hidup pemandu e-panggilan yang terjejas teruk kerana

pelaksanaan PKP. Golongan pekerja yang bekerja secara kontrak untuk kerajaan, iaitu seramai 80 ribu orang pekerja akan dibayar gaji sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Bantuan ini bukan setakat memberikan manfaat kepada kontraktor yang terlibat dalam perkhidmatan kepada kerajaan seperti pembersihan, tetapi juga memberikan manfaat kepada para pekerja mereka meskipun tidak hadir bekerja. Hal ini bagi membantu kelangsungan kehidupan para pekerja yang terlibat dalam sektor ini.

Satu perkara lagi yang cukup menarik perhatian dalam pakej rangsangan ekonomi ialah penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman selama enam bulan, penukaran baki kad kredit kepada pinjaman berjangka dan penstrukturan semula pinjaman korporat. Penangguhan ini sebenarnya memberi banyak kelegaan kepada individu rakyat Malaysia dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menanggung pelbagai jenis bebanan hutang seperti hutang perumahan, kenderaan dan kad kredit. Dengan penangguhan pembayaran hutang ini, pastinya memberikan kelegaan terhadap aliran tunai setiap peminjam individu dan PKS sekali gus wang tersebut mampu digunakan untuk keperluan lain yang lebih mendesak.

Tambahan lagi, pakej rangsangan ekonomi tambahan khas untuk PKS juga telah diumumkan oleh kerajaan pada 6 April yang lalu. Pakej tambahan ini melibatkan tambahan RM10 bilion khas untuk membantu PKS. Antara insentif yang diperkenalkan adalah untuk menambah baik Program Subsidi Upah yang telah diumumkan sebelum ini. Di bawah pakej tambahan ini, bantuan Program Subsidi Upah dikategorikan berdasarkan jumlah pekerja bagi setiap syarikat, iaitu RM600 subsidi bagi setiap pekerja yang bekerja dengan syarikat yang memiliki pekerja melebihi 200 orang,

sebanyak RM800 subsidi pula bagi setiap pekerja yang bekerja dengan syarikat yang memiliki seramai 76 sehingga 200 orang pekerja dan akhir sekali RM1200 subsidi bagi setiap pekerja yang memiliki pekerja sehingga 75 orang. Daripada jumlah itu, sebanyak 4.8 juta orang pekerja akan menerima manfaat daripada Program Subsidi Upah ini.

Selain itu, bantuan lain seperti Geran Khas PRIHATIN berjumlah RM2.1 bilion akan disalurkan kepada PKS mikro yang memenuhi syarat yang mana sebanyak RM3000 disalurkan kepada PKS mikro berkenaan, akan memberikan manfaat kepada hampir 700 ribu PKS mikro di Malaysia. Bantuan lain juga melibatkan pinjaman dan pemansuhan kadar faedah, pengecualian bayaran sewaan atau diskaun sewaan untuk peniaga runcit PKS yang menyewa premis syarikat berkaitan kerajaan serta memberikan moratorium secara automatik selama 30 hari daripada tarikh terakhir PKP untuk menyerahkan dokumen berkanun kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan pelanjutan masa serahan simpan penyata kewangan syarikat selama tiga bulan daripada tarikh terakhir PKP bagi syarikat yang memiliki tahun kewangan berakhir 30 September hingga 31 Disember 2019.

Pelbagai bantuan dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan ini cukup menyeluruh kerana melibatkan bukan setakat untuk individu, tetapi juga perniagaan yang akan memberi banyak kelegaan kepada keseluruhan rakyat Malaysia dan juga ahli perniagaan. Pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri ternyata antara yang terbesar di dunia. Tujuannya tidak lain tidak bagi membolehkan Malaysia berhadapan COVID-19 yang hingga kini masih belum menemui titik noktahnya. Selain itu, kerajaan juga boleh meningkatkan pelaburannya seperti meneruskan pelbagai projek

mega yang dilaksanakan sebelum tempoh PKP dilaksanakan. Hal ini cukup penting kerana dengan merencanakan perbelanjaan daripada pelbagai pihak, iaitu individu, perniagaan dan paling utama kerajaan, maka ekonomi negara dapat berada pada tahap terbaik semasa menghadapi cabaran yang cukup sukar dalam tempoh penularan COVID-19 yang melanda negara.

Ternyata pakej rangsangan ekonomi ini bukan hanya diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi juga kerajaan negeri di Malaysia termasuklah kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Misalnya, Sarawak mengumumkan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM400 juta, manakala Perlis dengan 17 insentif bagi meringankan bebanan rakyat di negeri tersebut. Hal ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri di Malaysia dalam usaha bersama-sama membantu Kerajaan Persekutuan dalam menghadapi COVID-19. Dengan pelbagai strategi ekonomi yang diumumkan pada peringkat negara dan negeri, maka tidak mustahil agenda besar untuk memerangi COVID-19 mampu dijayakan. Pastinya syarat terpenting untuk memastikan Malaysia berjaya keluar daripada pandemik COVID-19 ini terletak pada kerjasama yang kuat dalam kalangan rakyat Malaysia itu sendiri untuk sentiasa akur dengan arahan kerajaan terutamanya KKM. Sejarah telah membuktikan Malaysia berjaya keluar daripada pelbagai bencana kesihatan dan krisis ekonomi sebelum ini, maka Malaysia dijangka sekali lagi mampu untuk berhadapan dengan pandemik terhebat dunia ini. ▣

Penulis ialah Pensyarah dan Pengarah Institut Kajian Strategik dan Pembangunan Perakaunan Mampan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.